


URUS WANG ANDA

Oleh Azli Ayob
azliayob@bharian.com.my

TIDAK dinafikan ramai daripada kita yang malu hendak bercerita mengenai masalah kewangan atau hutang yang sedang dihadapi, termasuk kepada sanak-saudara dan teman rapat.

Namun jika anda mengesyaki ada antara ahli keluarga anda yang sedang berdepan masalah hutang yang besar, ada baiknya anda menghulurkan bantuan.

Tanyakan mengenai masalah mereka itu. Ia mungkin akan memberikan sedikit kelegaan.

MasterCard dalam program pendidikan kewangannya menjelaskan, antara perkara yang boleh dilakukan untuk membantu mereka yang sedang bergelut masalah hutang adalah dengan merujuk mereka kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Agensi di bawah Bank Negara Malaysia itu boleh memberikan kaunseling kewangan dan pendidikan pengurusan hutang kepada individu.

Ini seterusnya akan membolehkan individu itu mengatasi situasi kewangan masing-masing dan mendapat semula ketenangan jiwa serta berupaya menguruskan hutang mereka dengan lebih bijak.

Maklumat lanjut mengenai AKPK boleh diperoleh di www.akpk.org.my atau menghubungi talian bebas

AKPK bantu kaki hutang

Disiplin, kaunseling kewangan dapat elak jadi mangsa kredit



CAWANGAN AKPK di bangunan Bank Negara Malaysia di Jalan Bukit Timbalan, Johor Bahru.

tol 1-800-88-2575.

Anda juga boleh membantu saudara rapat atau teman baik anda yang bermasalah dengan melihat situasi kewangan mereka.

Jika mereka berada dalam

belunggu hutang, sediakan satu pelan untuk keluar daripada hutang itu dan pastikan mereka komited dengan pelan yang telah dirancang itu.

Dalam perkara ini, mak-

lumkan kepada mereka bahawa anda mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan rakan atau saudara anda tadi untuk berjaya keluar daripada masalah masing-masing.

Cadangkan juga supaya mereka menggunakan kaedah yang dicadangkan dalam laman web AKPK atau mengikut saranan yang dicadangkan oleh perunding kewangan agensi terbabit.

Hulurkan bantuan kewangan hanya sekiranya anda pasti sahabat atau saudara anda tadi berupaya membayar balik. Jika tidak, jangan sesekali memberikan bantuan kewangan.

Mungkin anda tidak sampai hati berbuat demikian, namun ramai pakar kewangan menasihatkan supaya kita bertegas dalam perkara ini.

Jika anda meminjamkan wang kepada kawan atau ahli keluarga sendiri, tuliskan jumlah yang dipinjamkan dan nyatakan juga jadual pembayaran semula secara bertulis.

Ketika memberikan bantuan kepada mereka yang bermasalah ini, jangan sesekali menyalahkan mereka kerana kesilapan lalu seperti boros berbelanja dan tidak pandai menguruskan kewangan.

Renung semula sejarah silam hanya untuk mengetahui corak perbelanjaan mereka dan dari situ, cuba belajar di mana silapnya supaya tidak berulang lagi.

Memandangkan masalah hutang dan wang ringgit adalah soal peribadi dan ramai daripada kita tidak selesa membincangkannya, jadi jangan terlalu mendesak supaya mereka yang bermasalah menceritakannya kepada anda secara terperinci.

Sebaliknya tunjukkan bahawa anda berminat untuk membantu tetapi anda perlu bertegas dengan memastikan supaya mereka tidak melakukan pembelian di luar keupayaan dan melanggar pelan kewangan yang telah dirancang.



BUKU Money Sense terbitan AKPK membantu pengguna menguruskan hutang.



AKPK menyediakan ejen kaunseling terlatih.